

Angka Giliran: _____

Angka Giliran: (dengan perkataan) _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/ 2004

Februari/Mac 2004

JUL 401 – Bahasa Malaysia IV

Masa: 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEPULUH** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Baca dan fahami arahan yang diberikan sebelum menjawab soalan. Bagi setiap soalan, tulis jawapan anda di ruang yang disediakan di dalam buku soalan ini.

Serahkan **KESELURUHAN** kertas peperiksaan ini kepada Ketua Pengawas di akhir sidang peperiksaan. Pelajar yang gagal berbuat demikian akan diambil tindakan disiplin.

Baca arahan dengan teliti sebelum menjawab soalan.

Markah yang diperolehi

Soalan Bahagian A: Karangan (70 markah)

Soalan Bahagian B: Membetulkan Ayat (30 markah)

Jumlah:

Gred:

...2/-

BAHAGIAN A: KARANGAN (70 Markah)

ARAHAN: Tulis sebuah karangan yang panjangnya 500-600 patah perkataan tentang SATU (1) daripada tajuk di bawah. Jawapan hendaklah ditulis di dalam ruangan yang disediakan.

(Pemarkahan karangan yang anda tulis akan dibuat berdasarkan isi, organisasi, bahasa, dan ejaan serta gaya keseluruhannya).

1. Kemajuan sesuatu bangsa bergantung pada budaya, corak hidup dan pemikiran masyarakatnya. Paparkan.
2. Masalah wabak penyakit berjangkit seperti AIDS, JE, SARS dan sebagainya sering menyerang masyarakat kita. Anda sebagai Pegawai di Kementerian Kesihatan dikehendaki mengemukakan laporan tentang sebab-sebab penyakit berjangkit mudah merebak dan langkah-langkah mengatasinya.

Sediakan laporan tersebut selengkapnya.

3. Perkembangan pesat dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), membolehkan internet dan e-mail bukan sahaja dapat diakses melalui komputer tetapi juga dapat diakses melalui telefon bimbit dan televisyen. Hal ini meningkatkan nilai komersial internet dan e-mail dalam dunia perniagaan siber.

Bincangkan kesan-kesan penggunaan internet dan e-mail.

4. Pertumbuhan pesat sektor perindustrian pada hari ini menjadi penyumbang utama gejala sosial di Malaysia. Berikan hujahan anda.
5. Dalam era globalisasi kita menyaksikan berlakunya peminggiran terhadap bahasa Melayu. Hal ini kerana bahasa Inggeris dikatakan lebih mendominasi pelbagai bidang seperti pendidikan, sains dan teknologi, perundangan, perubatan dan sebagainya. Bersetujukah anda.

BAHAGIAN B: TATABAHASA (30 markah)

1. Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah. Kemudian, buat pembetulan dalam ruang jawapan yang disediakan.

Petikan

Robohnya Tembok Berlin dan tumbangnya patung Saddam Hussein merupakan dua realiti yang berbeza-beza (a). Tidak seperti robohnya Tembok Berlin, hanya kira-kira 200 orang kebanyakannya terdiri daripada tentera pembebasan Iraq yang Pentagon takuti, meraikan tumbangnya patung Saddam dan mengalu-alukan kedatangan tentera penceroboh (b). Berbeza dengan penduduk Berlin, Iraq tidak mempunyai alasan apa-apa untuk diraikan (c). Walau pun mereka terlepas dari cengkaman diktator, tetapi hidup mereka terus terjajah (d). Tumbangnya patung Saddam tidak menjanjikan apa-apa harapan yang lebih baik pada penduduk Iraq kerana sejak meletus peperangan, beribu orang awam di bunuh dan tercedera oleh tentera penceroboh (e).

(a) -----

(b) -----

(c) -----

(d) -----

(e) -----

...4/-

2. Kenal pasti kesalahan bahasa dalam ayat-ayat di bawah. Kemudian, buat pembetulan dalam ruang jawapan yang disediakan.

a) Sejarah telah memaparkan peristiwa Hiroshima dan Nagasaki dalam keadaan yang begitu tragis sekali sehinggakan kita, biarpun tidak pernah mengalaminya, turut merasakan penderitaanya.

b) Sebelum orang sedarkan kepentingan sukan kepada status individu dan ekonomi negara, peranan sukan sebagai ejen kesihatan tubuh badan sudah dikenal pasti.

c) Mereka mungkin takut tekanan politik oleh Amerika Syarikat terutama selepas keruntuhan Kesatuan Soviet yang selama ini menjadi pengimbang kuasa terhadap Amerika Syarikat.

d) Kuasa Veto dalam Majlis Keselamatan digunakan sepanjang percakaran di antara Washington dan Moscow.

e) Sempena menyambut hari jadi yang ke 17, ayah menghadiahkan Haslida sebuah komputer peribadi.
